

# Sistem baru kira undi

16 MAR 1990

9

Oleh MOHD NOH SENAN

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Tohmahan yang tidak berasas beberapa pihak yang mendakwa kononnya peti undi ditukar ganti ketika dibawa ke pusat pengiraan undi akan dapat diatasi berikutan pindaan yang dibuat terhadap Akta Pilihanraya 1958.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr **Mahathir Mohamad**, berkata ia juga dapat mengelak tohmahan kononnya kerani mengira undi dengan sengaja menyalah kira kertas undi untuk faedah calon tertentu.

Berucap membentangkan Rang Undang-Undang Akta Pilihanraya 1958, di Dewan Rakyat, beliau berkata, oleh kerana bidang perhubungan, pengurusan dan kemudahan lain semakin maju, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) mendapati sistem pengiraan undi setempat sejak pilihanraya diadakan di negara ini, perlu ditukar dan digantikan dengan sistem baru, iaitu pengiraan undi di tempat mengundi.

"Mengikut cadangan pindaan itu, pengiraan undi dijalankan di tempat mengundi oleh ketua tempat mengundi sendiri dan tidak Pegawai Pengurus di pusat pengiraan undi bagi sesuatu bahagian pilihanraya seperti yang dilaksanakan sekarang.

"Bagaimanapun, bagi kawasan tertentu, pengiraan undi di tempat mengundi tidak dapat diadakan, sistem yang wujud sekarang boleh dipakai dengan sedi-

kit pindaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, faedah pelaksanaan sistem baru itu ialah keputusan pilihanraya akan dapat diketahui lebih cepat di antara jam 8 malam hingga 9 malam.


Katanya, ketua tempat mengundi akan hanya mengira paling banyak 700 atau 1,400 kertas undi jika pilihanraya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dijalankan serentak.

"Pada masa ini, pengiraan undi biasanya hanya dapat dimulakan kira-kira jam 8.30 malam dan purata 100,000 kertas undi bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, yang dikira.

"Selain itu, ia akan mewujudkan suasana yang lebih aman dan tenteram dengan mengalihkan tumpuan serta perhatian penyokong parti dan orang ramai ke beberapa tempat mengira undi berbanding ke satu pusat pengiraan undi seperti sekarang. Malah suasana tegang serta gangguan yang dihadapi dapat dielakkan," katanya.

Menurutnya, sistem itu juga dapat mengelak dan mengurangkan kesilapan pengiraan undi kerana ia menggunakan kertas pengumpulan maklumat serta

- Percepat keputusan
- Hindar suasana tegang
- Elak kesilapan kiraan undi
- Tolak tuduhan tukar peti undi



dapat menentukan lebih jelas kedudukan bilangan undi sebenar.

Beliau berkata, berikutan pelaksanaan sistem itu, setiap tempat mengundi menjadi tempat mengira undi dan kakitangan pengundian yang sama akan menjadi kakitangan bertanggungjawab bagi pengiraan undi.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, selepas pengiraan undi selesai, keputusan sementara boleh disampaikan menerusi telefon atau alat semboyan kepada pegawai pengurus dan beliau menjumlahkan semua keputusan untuk menentukan calon yang menang.

Katanya, keputusan muktamad hanya akan diumumkan selepas pegawai pengurus menerima penyata pengundian daripada ketua tempat mengundi.

Beliau yakin sistem baru itu akan menghapuskan pelbagai tuduhan berkaitan pengiraan undi kerana ia dilaksanakan dengan jaya di kebanyakan negara maju serta negara membangun.

"Kerajaan memberi jaminan bahawa segala sokongan dan kemudahan akan diberi kepada SPR bagi memudahkannya melaksanakan sistem itu dengan jayanya," katanya.